

BAYANGAN WACANA POLITIK DALAM KARYA SASTERA: ANALISIS NOVEL *KAWIN- KAWIN*

CHE ABDULLAH CHE YA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Karya sastra tidak lahir dalam ruang yang kosong. Apa yang dihasilkan adalah bertolak daripada peristiwa yang berlaku dalam masyarakat termasuklah isu sosio-budaya, ekonomi dan politik. Pengarang novel seringkali menggunakan karya sastra untuk melahirkan pandangan, ideologi, wawasan dan harapan mereka. Kajian ini melihat bagaimana karya sastra dihasilkan sebagai respons terhadap peristiwa politik yang berlaku. Kajian menganalisis novel *kawin-kawin* karya Azizi Haji Abdullah. Antara isu yang diangkat termasuklah pertentangan ideologi dalam masyarakat Melayu, penyelewengan kuasa pemimpin, gejala rasuah dan kronisme. Hasil penelitian mendapati pengarang menggunakan permasalahan politik semasa dalam wacana karya novelnya. Sebagai ahli PAS, ideologi dan pegangan pengarang juga tampak jelas dalam perbincangan persoalan politik ini.

Kata kunci: *Wacana, Karya sastra, Ideologi, Penulis novel, Politik*

REFLECTION OF POLITICAL DISCOURSE IN LITERATURE: AN ANALYSIS OF THE NOVEL *KAWIN-KAWIN*

Abstract

Novel literatures are not produced in void. Writers are often inspired by issues occurring in their community, including socio-cultural, economic and political events. Authors often use their literature to express views, ideologies, visions and hopes. This study looks at how literary works are influenced by political event, particularly in the *Kawin-kawin* novel by Azizi Haji Abdullah. Among the issues raised in the novel include conflicts of ideology in community, abuse of power, corruption and cronyism. The study found that the novel author used his interpretation of current political problems in his writing. His personal stance and ideology as a member of PAS political party is also apparent in his writing.

Keywords: *Discourse, literary works, ideology, novel writer, politics*

PENGENALAN

Sastera dan politik dua adalah bidang yang saling berkait rapat. Kedua-dua bidang ini berhasil dari interaksi manusia dan kehidupannya. Karya sastera bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, pendidikan dan kritikan sosial semata-mata, sebaliknya karya-karya sastera juga mengandungi sensitiviti, emosi, wawasan dan harapan seseorang pengarang. Dengan kata lain, melalui karya sastera, seseorang pengarang turut melahirkan pandangan, ideologi, misi dan visi mereka tentang politik. Sebagai ahli biasa dalam masyarakat, pengarang tidak mempunyai pentas politik untuk melahirkan suara mereka (kalau adapun peluang mereka tidak dianggap mempunyai autoriti untuk bercakap tentang politik kecuali beberapa orang penulis yang turut menjadi pemimpin politik). Justeru itu, mereka melahirkan suara mereka melalui karya yang dihasilkan. Inilah yang terpancar dalam beberapa novel Melayu di tangan sebilangan penulis ternama tanah air seperti Azizi Haji Abdullah dengan *Kawin-kawin*, *Hoi*, Sahnnon Ahmad dengan *Shit*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Sutan Baginda*, *Nurul Anak Papaku*, Arenawati dengan trilogi *Busa*, S. Othman Kelantan dengan *Orang Kota Bharu*, Rahman Shaari Dengan *Tokoh Terpilih* dan *Tirai Tokoh*, Marwilis Haji Yusof dengan *Terbilang Tapi Terbuang*, Azmah Nordin dengan *Halusinasi* dan lain-lain. Dalam hal ini Baha Zain(1982:3) berpendapat,

“Orang politik sering bertolak dari masalah dan tujuan untuk mencapai sesuatu yang ada di luar dirinya, sedangkan sasterawan bertolak dari dalam dirinya. Antara keduanya terentang satu pemandangan yang berkabut dengan kecurigaan. Yang satu sangat pratikal dan pragmatik manakala yang satu lagi sangat idealistik dan penuh mimpi. Sememangnya wujud hubungan di antara politik dan sastera di mana penulis atau sasterawan seringkali menjadikan orang politik sebagai layar untuk menayangkan mimpi-mimpi buruknya. Orang politik pula biasanya melihat sasterawan sebagai pemimpi-pemimpi yang sekadar perlu untuk mengisi ranting-ranting daripada kehidupan lain yang lebih pokok”.

Dekad-dekad mutakhir ini memperlihatkan kecederungan yang ketara dalam kalangan penulis-penulis Malaysia untuk menggarap persoalan politik dalam karya-karya mereka, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung, atau mahupun secara tersirat atau secara tersurat. Situasi ini sebenarnya seiring dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam tamadun manusia. Dunia makin maju dan politik juga berkembang selari dengan kemajuan manusia. Dalam era “siapa kuat dia berkuasa”, manusia mula berlumba-lumba mencari kuasa dan dari situ wujudlah pelbagai fenomena politik. Sebagai anggota masyarakat pergolakan politik ini turut dirasai oleh penulis (Mana Sikana 1995 : 19).

Karya politik pula sangat erat hubungannya dengan media kerana salah satu tujuan media adalah membentuk pendapat umum mengenai pelbagai hal, terutama hal politik. Antara karya politik dengan media terjalin hubungan yang saling memerlukan dan mempengaruhi antara satu sama lain. Media massa yang mengemukakan pendapat umum akan mempengaruhi masyarakat terhadap isu-isu politik yang sedang berlaku dalam masyarakat. Cara-cara media menyampaikan isu-isu politik akan mempengaruhi persepsi masyarakat mengenai perkembangan politik. Dalam hal ini, Roni Tabroni (2012:105) berpendapat,

Salah satu aspek penting dalam aktiviti komunikasi politik adalah media massa. Sebagai produk dari aktiviti jurnalistik, media massa memiliki kelebihan yang tidak mungkin dilakukan oleh orang per orang. Keluasan jangkauan dan kedalaman pengaruh media massa selalu menjadi buruan para komunikator politik. Bagaimana sebuah pesan politik bias sampai kepada publik, sangat tergantung kepada sejauhmana para komunikator politik bias menyertakan media massa dalam setiap aktiviti komunikasi politiknya.

Harmonis (2013) dalam membicarakan peranan media terhadap politik melalui tulisannya “Perbandingan Sistem Komunikasi Politik Presiden Soeharto dan Soesilo Bambang Yudoyono (SBY)” memperlihatkan besarnya peranan media terhadap kelangsungan politik presiden Soeharto dan Presiden Soesilo Bambang Yudoyono. Menyedari fungsi media yang cukup besar terhadap

politik, pengarang sastra seringkali menjadikan karya mereka sebagai media pengucapan politik. Melalui karya sastra, penulis melahirkan pandangan dan wawasan politik dan seringkali juga mereka memperlihatkan ideologi politik pegangan mereka dalam bentuk realiti kreatif. Melalui karya kreatif, pengarang lebih bebas menyampaikan pengucapan politik mereka dan kehadiran karya sastra sebagai media pengucapan politik ini menambahkan lagi saluran pengucapan politik yang sedia ada. Dalam hal ini Azmah Abdul Wahab dan Shamsuddin A.Rahim (2013) menegaskan "...pendedahan kepada pelbagai saluran media mempengaruhi penyertaan pendapat dalam kalangan masyarakat, terutama dalam membuat keputusan pilihanraya".

NOVEL *KAWIN-KAWIN* SEBAGAI WACANA POLITIK

Kertas kerja ini akan menganalisis bagaimana karya sastra terhasil daripada reaksi pengarang terhadap isu politik yang berlaku. Analisis mengambil novel *Kawin-kawin* karya Azizi Haji Abdullah sebagai teks kajian. Novel *Kawin-kawin* diterbitkan oleh *Utusan Melayu* pada tahun 2001. Novel yang memenangi tempat pertama Hadiah Sako ini sarat dengan pelbagai persoalan politik khususnya pertentangan ideologi dan perebutan kuasa. Karya turut memaparkan penyelewengan kuasa dalam kalangan pemimpin. Pengarang cuba mengetengahkan beberapa fenomena penyelewengan kuasa yang berlaku dalam kancas politik tanah air seperti salah guna kuasa, imej pemimpin, amalan rasuah, amalan kronisme, dan amalan fitnah. Penelitian melihat bagaimana pengarang, Azizi Haji Abdullah melahirkan respons terhadap peristiwa politik yang berlaku. Analisis turut melihat sejauhmana kedudukan Azizi sebagai ahli kepada Parti Islam Semalaysia (PAS) menilai situasi politik yang berlaku. Analisis menggunakan novel *Kawin-kawin* karya Azizi Haji Abdullah sebagai teks kajian.

INSPIRASI PENGARANG DARIPADA PERTENTANGAN IDEOLOGI DALAM MASYARAKAT MELAYU

Situasi politik semasa di negara kita memperlihatkan pertentangan ideologi yang cukup ketara antara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Permusuhan dan pertentangan ini banyak digarapkan oleh pengarang baik secara langsung mahupun tidak langsung dengan teknik penceritaan secara tersurat mahupun secara tersirat. *Kawin-kawin* menggambarkan parti UMNO dan parti PAS sebagai dua orang wanita yang cantik dan kaya-raya. Bagi parti UMNO ditampilkan watak Mas Umm dan PAS diwakilkan dengan watak Siti Menurra. Mas Umm memiliki harta dan sangat jelita. Beliau menjadi idaman setiap lelaki dan sentiasa bertukar suami. Mas Umm mengamalkan kahwin Mut'ah, yang mana suaminya diikat mengikut tempoh kontrak setiap penggal. Apabila tempoh kontrak habis, satu pemilihan baru akan diadakan. Siti Manurra pula digambarkan gadis yang beriman, kaya, alim, warak, berpendirian teguh dan tidak terlalu memilih suami. Siti Manurra

pernah bermadu dengan Mas Umm tetapi berpisah dengan suaminya (Pak Qum) akibat fitnah.

Dengan menggunakan teknik satira, pengarang cukup bijak menyampaikan pemikiran dan pandangan beliau terhadap parti UMNO dan PAS. Pembaca kebiasannya akan cenderung melihat novel ini secara tersurat iaitu persoalan kahwin kontrak. Bagi pembaca yang dapat mendalami secara tersirat, penceritaan dalam novel ini adalah menggambarkan satu realiti tentang situasi politik Malaysia masa kini. Kecenderungan pengarang mempertahankan ideologinya (Azizi Haji Abdullah adalah seorang ahli PAS) dengan menggambarkan parti PAS dengan segala kebaikan sedikit mencacatkan dan menjadikan novel ini lebih bersifat pro-paganda PAS.

INSPIRASI PENGARANG DARIPADA PENYELEWENGAN KUASA OLEH PEMIMPIN POLITIK

Dalam *Kawin-kawin*, pengarang mengetengahkan konflik yang berlaku dalam perkembangan ideologi politik Melayu disebabkan oleh berlakunya penyelewengan kuasa oleh pemimpin tertinggi parti. *Kawin-kawin* menampilkan Muallim merupakan seorang tokoh utama yang berkuasa di daerah Mas Umm telah menyalahgunakan kuasa yang beliau miliki untuk kepentingan sendiri. Beliau mengamalkan sistem kuku besi, sekiranya ada pengikut parti yang berpihak kepada pihak lain meskipun dalam parti yang sama, orang itu akan dilucutkan jawatannya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah :

Malangnya Al-Syaikh Hajjul Fatawa tidak memperkenankan permintaannya. Menurut Abul Ahkam itu, sangatlah berbahaya dia ke daerah Siti Menurra kalau diketahui oleh Muallim atau Mas Umm. Keadaan sekarang sudah berubah, katanya. Sekarang ini, menurut Abul Ahkam, sesiapa sahaja yang nampak menyebelahi lain daripada Muallim, jawatan boleh lucut bila-bila masa sahaja.

(Kawin-kawin : 164)

Muallim berkuasa sepenuhnya semenjak ketiadaan Malang di daerah Mas Umm, Muallim menjadi seorang yang berkuasa dan setiap anggota partinya harus mengikut telunjuk dan arahan yang diberikan haruslah dipatuhi. Watak Paksu merupakan orang kuat Muallim kerana Paksu yang akan mencari sokongan daripada ahli-ahli lain dengan berkempen supaya memilihnya sebagai pemerintah yang sesuai memerintah di daerah Mas Umm tersebut. Muallim turut mengekalkan kuasa pemerintahannya dengan tidak mengadakan pilihan raya demi mengekalkan jawatan tersebut.

Penyelewengan kuasa juga disalahgunakan dengan tujuan kepentingan peribadi. Hal ini turut dapat dilihat melalui peristiwa pertelingkahan antara Muallim dengan Syed Muhi. Muallim meluaskan pengaruh undinya dengan mencampuradukkan orang luar serta melebihi orang luar dan hal ni tidak

disenangi oleh Syed Muhi yang menginginkan orang dalam banglonya itu harus diletakkan. Hal ini memperlihatkan bahawa Muallim merupakan seorang yang tidak suka sekiranya ada orang lain yang menasihatinya. Oleh sedemikian, melalui kuasa yang dimiliki, beliau telah menghalau Syed Muhi dari banglo Mas Umm. Penyalahgunaan kuasa ini dapat dilihat melalui petikan di bawah :

Syed Muhi tidak suka cara Muallim melayani Mas Umm. Syed Muhi tidak suka cara Muallim melayan orang luar daerah sehingga mengabaikan orang-orang dalam. Kepada Mas Umm Syed Muhi menyatakan yang dia tidak puas hati cara Muallim menguruskan banglo, sampai membuka pintu luas-luas kepada orang luar.

(*Kawin-kawin : 48*)

Selain itu, penyelewengan kuasa terus dilakukan melalui taktik kotor di antara Paksu dengan Muallim. Permainan politik tidak lari dari taktik kotor demi menggapai kehendak yang diinginkan. Semasa pemilihan ketua pemerintahan yang baru di daerah Mas Umm antara Muallim dan juga Paksu, mereka telah bertindak dengan sengaja tidak memanggil ahli yang ramai dalam parti semasa pilihan raya berlangsung agar tidak ada gangguan yang akan memotong kehendaknya untuk mengekalkan pemerintahannya. Pilihan raya tersebut telah diadakan secara tertutup agar tidak ada pihak yang memihak kepada Malang mengganggu strateginya. Sebelum pilihanraya itu dibuat, Muallim sudah awal-awal telah mengarahkan Paksu supaya berkempen agar ramai yang memberi sokongan kepadanya. Taktik Muallim ternyata berkesan sehingga meraih sokongan lantas beliau tetap berkuasa sebagai pemerintah iaitu tetap kekal bermut'ah dengan Mas Umm. Petikan di bawah memperlihatkan Muallim telah merancang agar tidak akan ada yang menawarkan diri untuk menjadi suami baru kepada Mas Umm atau merampas kekuasaan darinya :

“Sayalah yang merancangkan majlis begini malam ini. Saya tidak mahu banyak lelaki yang menawarkan diri mereka menjadi laki Mas Umm walaupun keadaan membenarkan. Bagi saya, jika ramai yang menawarkan menjadi laki Mas Umm, membuktikan kita tidak suka kepada Muallim selama ini, padahal Muallim adalah satu-satunya laki Mas yang sesuai!”

(*Kawin-kawin : 89*)

Penyelewengan kuasa dalam parti politik Melayu jelas berlaku melalui gambaran yang diketengahkan oleh pengarang. Berbekalkan kedudukan dan juga kuasa yang diperolehi sama ada secara sah ataupun kotor oleh pemimpin itu membolehkan mereka mendapat kedudukan istimewa dan menggunakan kedudukan itu untuk kepentingan sendiri. Pemimpin merupakan seorang yang harus memikul amanah serta kepercayaan yang telah diberikan. Pemimpin bertanggungjawab untuk memberi contoh sikap baik dengan berdasarkan etika

seorang pemimpin serta menjadi agen perubahan. Pemimpin mengerti bahawa apa dilakukannya akan ditiru dan diperbesar oleh orang yang dipimpinya, dan oleh sebab itu mereka harus mengenakan suatu nilai ukur yang tinggi pada dirinya. Menjadi pemimpin adalah menjadi orang yang dijadikan tauladan, baik mahupun menjadi seorang yang berintergrasi. Di samping harus hidup sesuai dengan nilai-nilai etika yang tidak mengecewakan pengundi yang percayanya.

Menjadi seorang pemimpin tidaklah mudah, kerana seorang pemimpin bukanlah sembarangan orang. Seorang pemimpin harus memiliki etika dan wajib bertanggungjawab kepada orang yang dipimpinya. Dengan kepemimpinan yang beretika maka akan tercipta keharmonian dalam menjalin hubungan kerja dengan bawahannya tanpa ada beza status kedudukan. Seorang pemimpin juga memiliki tanggungjawab yang besar, tidak hanya untuk dirinya sendiri tetapi juga untuk orang-orang di bawah kepemimpinannya. Tanggungjawab kepemimpinan bukanlah sesuatu hal yang dapat dijalankan dengan mudah. Semakin besar tanggungjawab kepemimpinan itu, semakin besar pula penghargaan yang diberikan jika dapat memenuhi peranan tersebut dengan jayanya.

RESPONS TERHADAP MALAN RASUAH DALAM POLITIK

Dalam *Kawin-kawin*, perebutan kuasa berlaku antara dua orang pemimpin iaitu Muallim dengan Malang yang berkeinginan mengahwini Mas Umm. Perebutan kuasa ini menyebabkan setiap kumpulan berusaha mencari seberapa banyak pengaruh agar akhirnya berjaya mendapatkan apa yang dihajati iaitu memiliki Mas Umm serta keseluruhan hasil kekayaan milik Mas Umm. Dalam usaha melawan Muallim yang berjaya mengahwini Mas Umm, Malang cuba menjatuhkan Muallim dengan cara merasuah pengikut-pengikutnya. Rasuah yang dilakukan itu bertujuan agar penyebaran fitnah mengenai Muallim semakin meluas, dan ramai yang akan menolongnya mengapai kemenangan melalui rasuah yang dilakukan. Perlakuan rasuah Malang diperlihatkan melalui petikan berikut:

Dendam pun mula menyala. Pada hari-hari berikutnya dia ke hulu ke hilir melepas geram dan terus meniup bara dendam terhadap Muallim. Tiba-tiba dia mendapat satu fikiran baru yang selama ini tidak terlintas dalam peti fikiran. Maka dia pun memberitahu Pakwan supaya membuat satu perjumpaan khas bersama Din, Mud, Lim. Jika boleh ajak lagi empat lima orang yang ada pengaruh. Dia yakin mereka akan setuju tidak sia-sialah mereka disogok dengan segala kemudahan. Dia berharap mereka akan membawa mulut ke mana-mana saja, bercerita tentang Muallim yang tidak sesuai lagi jadi laki Mas Umm. Tidak perlu lagi tinggal di banglo. Muallim bukan lagi laki yang sesuai. Dedahkan semahumu keburukan Muallim sampai orang percaya.

(*Kawin-kawin* : 60)

Usaha Malang tidak berhenti disitu sahaja tetapi turut sanggup menggunakan segala apa yang dimiliki beliau dalam usaha menjatuhkan Muallim agar ramai orang yang bersama di belakang beliau untuk menjatuhkan Muallim. Contoh usaha lain dapat dilihat melalui petikan di bawah :

“Gunakan wang tabung aku tu. Belanjalah apa yang patut. Kalau perlu beli kain pelikat, kain batik, sedekahkan kepada mereka. Katakan aku yang beri.”

(Kawin-kawin : 61)

Pengarang memaparkan usaha Malang untuk menjatuhkan Muallim. Malang sanggup menghabiskan semua sumber yang beliau miliki. Sikap ini memperlihatkan bahawasanya Malang begitu berusaha untuk menarik undi orang ramai agar memilih beliau untuk menjadi suami Mas Umm. Matlamat menghalalkan cara, di mana fitnah mula tersebar dengan wang ringgit menjadi santapan bagi yang tidak menghiraukan yang haram dengan yang halal. Rasuah senang dilakukan kerana apabila wang menjadi tuan, setiap orang yang memerlukan wang akan patuh pada arahan ketua. Selain itu, rasuah juga terjadi akibat daripada iman seseorang itu terlalu mudah untuk dibeli dengan wang ringgit dan mengabaikan setiap tuntutan oleh yang Maha Esa.

Amalan rasuah merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk mengekalkan puncak kekuasaan pemerintahan. Sogokan yang diberikan kepada penyokong misalnya ketika menjelang pilihan raya adalah salah satu kaedah pemujukan yang menampakkan kesan yang ketara di mata masyarakat pengundi. Harta dan pangkat yang diberikan kepada pemimpin bawahan adalah bertujuan untuk mendapat kerjasama yang akan meluruskan cara untuk memiliki kuasa pemerintahan dalam parti politik khususnya.

RESPONS TERHADAP AMALAN KRONISME DALAM POLITIK

Kronisme adalah amalan mengutamakan atau mementingkan teman rapat dalam pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dan sebagainya. Kroni juga dikenali dalam masyarakat kita sebagai *cable*. Kebiasaannya, *cable* digunakan oleh segelintir manusia untuk mendapatkan sesuatu dengan mudah. Isu di Malaysia yang kebiasaannya kita dengar berkaitan dengan *cable* adalah untuk mendapatkan pekerjaan, mudah mendapatkan tender bagi usahawan, mudah mendapat tempat pilihan bekerja bagi pekerja awam, dan sebagainya. Dalam erti kata lain, memudah mendapatkan sesuatu apabila mengenali orang-orang yang berkaitan. Dengan mudah boleh meminta bantuan daripada orang-orang tersebut bagi mendapatkan apa yang diinginkan. Kroni salah satu jalan mudah untuk mencapai impian di dunia dengan mudah.

Dalam dunia politik pula, seseorang yang berkuasa mampu mengangkat seorang yang lain dengan pengaruh yang dimilikinya. Hubungan persaudaraan

misalnya salah satu faktor untuk mendapat sesuatu pekerjaan misalnya. Kronisme menafikan hak orang biasa yang berkelayakan untuk memperoleh pendapatan dan kuasa. Seterusnya boleh menyebabkan kesan jangka pendek serta jangka panjang terhadap masyarakat, bergantung kepada sejauh mana amalan tersebut dilaksanakan serta penerimaan masyarakat. Dalam *Kawin-kawin* pengarang mendatangkan satu perjalanan hidup yang mengaitkan hubungan persahabatan di antara Pak Qum dengan Pak Syen yang merupakan sahabat baik. Perhubungan kroni ini membolehkan Pak Qum menikah secara mut'ah dengan Mas Umm. Petikan di bawah memperlihatkan pengarang mewujudkan kroni antara Pak Syen dan Pak Qum:

Akhirnya dalam usaha mencari pengaruh di sana sini tiba-tiba Mas Umm menikah dengan Pak Qum, sahabat baik Pak Syen dulu. Ya Tuhan... Maka berguling-gelantanglah dia di dalam bilik. Teriak melolong meratapkan nasib malangnya.

(*Kawin-kawin* : 11)

Selain itu, kroni jugak diperlihatkan oleh pengarang di mana hubungan persaudaraan antara Mas Umm dengan Paksu. Hal ini di mana Paksu diberi keutamaan dalam mengurus perusahaan barang-barang antik oleh Pak Qum kepada Paksu yang merupakan kerabat Mas Umm. Petikan di bawah menunjukkan sifat kronisme yang dilakukan oleh Pak Qum :

Paksu, kerabat akrab Mas Umm, Pak Qum beri laluan mengusahakan barang-barang antik. Paksu jadi pengerusi dengan saham yang bertimbun-timbun.

(*Kawin-kawin* : 12)

Situasi kroni turut berlaku dalam hubungan perkahwinan di antara Mas Umm dengan Awang Dod. Di katakan bahawa akibat untuk memberi laluan kepada Muallim untuk bermut'ah dengan Mas Umm, maka Awang Dod telah menceraikan Mas Umm sebelum tempoh kontrak kahwin mut'ah antara mereka tamat. Hal demikian menyebabkan Muallim dengan senangnya memiliki Mas Umm akibat hubungan bau-bau bacang antara Awang Dod dan Muallim. Petikan dibawah memperlihatkan Awang Dod memberi laluan kepada Muallim yang merupakan bau-bau bacangya :

Dengar khabar Awang Dod sengaja menceraikan Mas Umm untuk memberi laluan kepada Muallim kerana kalau menunggu tarikh tamat mut'ah mungkin orang lain yang bermut'ah dulu. Muallim dengan Awang Do ada bau-bau bacang. Itu semua orang tahu.

(*Kawin-kawin* : 17)

Menjadi kebiasaan di Malaysia orang yang mempunyai kenalan yang terdiri dari ahli politik yang berkuasa lebih mudah untuk mendapatkan sesuatu jawatan,

kontrak projek atau tender walaupun dari segi kelayakan tidak menepati syarat-syarat yang sepatutnya, sedangkan orang ramai walaupun berkelayakan mereka tetap juga perlu melalui prosedur dan proses yang sepatutnya. Kronisme menguntungkan bagi golongan yang mempunyai kenalan mahupun hubungan kekeluargaan dengan orang memiliki kuasa dalam sistem pentadbiran dan berkepentingan dalam kalangan masyarakat.

RESPONS TERHADAP AGAMA DIPOLITIKKAN

Penyelewengan atau ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam, yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ajaran itu juga bertentangan dengan ajaran ahli Sunnah wal jamaah yang dianuti oleh masyarakat Islam Malaysia.

Penyelewengan agama dalam dunia politik merupakan satu tindakan di mana keadaan seseorang yang dilantik untuk menguruskan hal-ehwal keagamaan tetapi mengambil kesempatan ke atas kelebihan memiliki ilmu keagamaan. Individu tersebut melakukan penyelewengan disebabkan perkara-perkara tertentu. Ilmu agama yang dimiliki oleh ahli agama tidak diamalkan dengan betul dalam kehidupan seharian. Ada juga pendapat dan fatwa dikeluarkan mengikut kepentingan sesebuah pihak yang disokong. Misalnya, pandangan ataupun fatwa hanya akan dikeluarkan jika memihak kepada orang yang disokong atau organisasi yang mampu memberi keuntungan dari segi pangkat mahupun harta kepadanya.

Sikap penyelewengan agama ini amat buruk dan memberi pandangan negatif terhadap Islam yang dikenali agama yang benar. Hal ini kerana pihak yang bertanggungjawab terhadap ajaran agama sanggup menyatakan yang halal itu haram dan yang haram itu sebaliknya. Hal sedemikian terjadi akibat daripada sifat yang mementingkan kepentingan peribadi ataupun menjaga periuk nasi. Di dalam novel *Kawin-Kawin*, melalui watak Al-Syaikh Hajjul Fatawa merupakan seorang yang telah diberi kepercayaan serta dilantik menjadi seorang yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal yang berhubungkait dengan soal-soal keagamaan di daerah Mas Umm.

Al-Syaikh Hajjul Fatawa diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa tentang soal halal mahupun haram yang berpandukan ajaran daripada kitab *Arraya* karangan Al-Syaikh Dr. Demo. Walau bagaimanapun, hukum-hakam yang dikeluarkan oleh Al-Syaikh Hajjul Fatawa adakalanya menyeleweng demi kepentingan peribadi dan juga atas arahan pemimpin yang berkuasa seperti Muallim. Petikan di bawah memperlihatkan pengaruh Muallim dalam Al-Syaikh Hajjul Fatawa mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti berikut :

Pernah dia dengar daripada bini Hajjul Fatawa sendiri, iaitu Hajjul Fatawi yang Hajjul Fatawa biasa menangis meloloi-loloi di balik pintu. Apabila Hajjul Fatawi tanya kenapa, dengan sebek muka masam Hajjul Fatawa memberitahu yang dia terpaksa berkata sesuatu walaupun tidak betul. Dia terpaksa kata halal padahal dia tahu haram. Semua itu kerana dia diminta oleh Muallim berkata begitu. Semua kerana tertaluk dengan kehendak Dr. Demo.

(Kawin-Kawin : 68)

Selain itu, terdapat juga perbualan Al-Syaikh Hajjul Fatawa dengan Malang yang menggambarkan bahawa segala fatwa dan hukum-hakam yang diselewengkan adalah atas kehendak Muallim. Kenyataan tersebut dijelaskan melalui petikan di bawah :

“Anta tahulah saja, ana ini sebenarnya tukang baca doa saja. Memang pun peranan fatwa sejak akhir-akhir ini sekadar nikah kahwin, doa dan jampi. Ana sebenarnya kupang tembaga dan dalam hal hukum-hakam. Setiap petua dan hukum, biasanya diset terlebih dahulu. Maka sebab itu, esoknya ana dijemput menghalalkan semula perkahwinan yang tidak sah itu. Itu yang dikehendaki Dr. Demo melalui kitab Arraya dan atas jawatan Maullim. Anta bukan tak tahu, apa pun keputusan ana mesti memihak kepada Muallim!”

(Kawin-Kawin : 95)

Fenomena penyelewengan agama sangat menuntut perhatian para ulama dan mengajak mereka kembali kepada Allah, lantas memohon ampunan-Nya dan menegakkan hujjah-Nya sebagai manifestasi tanggung jawab ulama. Penyelewengan-penyelewengan yang terjadi dalam kalangan kaum muslimin awam telah melahirkan penyelewengan lain pada sebahagian orang yang melakukan dakwah kepada Allah. Sebahagian yang lain mengajarkan hukum-hakam yang salah kepada masyarakat umum, bahkan terjadi pula pertentangan dalam hukum-hakam tersebut sehingga mereka mengeluarkan kata-kata yang dibuat-buat (bid'ah) dan hina, dan pada beberapa waktu tertentu mengakibatkan kesesatan.

Pelbagai kisah telah tercatat dalam sejarah kehidupan bahawasanya terdapat para alim ulama yang sanggup menjadi pengampu kepada para pemimpin dan pemerintah. Ulama tersebut sanggup mengadaikan maruah keilmuannya hanya sekadar untuk mendapatkan kesenangan hidup semasa berada di dunia dan demi menjaga periuk nasi peribadi sehingga mencemarkan nama baik agama Islam yang Maha Agung. Dunia politik itu penuh kekotoran dan segala yang wajib dibangkang manakala yang haram diberi jalan.

RESPONS TERHADAP IMEJ PEMIMPIN POLITIK

Keperibadian para pemimpin dan ahli kepada sebuah parti politik tanah air yang terdapat dalam novel *Kawin-kawin* diperlihatkan kepada pembaca bahawa terdapat unsur-unsur keperibadian yang buruk telah dilakukan oleh pemimpin dalam novel ini. Pengkaji mentafsirkan sebagai satu sikap yang kurang baik dan tidak berakhlak. Sikap seperti suka menfitnah jelas terdapat pada watak Malang yang merupakan seorang pemimpin yang berpengaruh. Malang telah mengarahkan rakan-rakannya agar memburuk-burukkan Muallim.

Sikap tamak turut dipaparkan melalui watak Muallim. Tamak dari segi rakus hatinya dan cinta kepada dunia (harta) terlalu berlebihan tanpa memperhatikan hukum haram yang mengakibatkan adanya dosa besar. Sifat rakus terhadap dunia menyebabkan manusia menjadi hina. Sifat ini digambarkan oleh beliau seperti orang yang haus yang hendak minum air laut, semakin banyak ia meminum air laut, semakin bertambah rasa dahaganya. Maksudnya, bertambahnya harta tidak akan menghasilkan kepuasan hidup kerana keberhasilan dalam mengumpulkan harta akan menimbulkan harapan untuk mendapatkan harta benda baru yang lebih banyak. Akibat daripada sikap tamak, hak milik orang lain masih lagi ingin dirampas. Dalam *Kawin-kawin* Muallim digambarkan seorang yang sangat tamak. Sepatutnya Mas Umm harus diceraikan setelah tamat tempoh mut'ah, tetapi akibat tamak tindakan tersebut tidak dilakukan.

Sikap hipokrasi juga terdapat dalam *Kawin-kawin*. Hipokrasi adalah secara terbuka menyatakan sikap atau tingkah laku tertentu, tetapi kemudian bertindak dengan cara yang tidak konsisten dengan sikap atau tingkah laku tersebut. Ianya juga membawa maksud kepada seorang yang memperlihatkan dirinya berlainan daripada keadaan yang sebenarnya. Sikap ini biasanya dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan sesuatu kehendak peribadi.

Pengarang memperlihatkan kepada pembaca betapa buruknya sikap pemimpin yang tidak melakukan sesuatu tugas yang dipertanggungjawab dengan cara yang betul dan berhikmah mengikut ajaran Islam yang sewajarnya. Keperibadian pemimpin yang sangat rendah dan tidak bermoral bukan sahaja menyebabkan wujudnya ketidakpuasan hati orang yang berada di bawah pentadbirannya malahan turut mencemarkan nama baik organisasi atau parti politik yang ditadbirinya. Sikap Malang yang suka menyebarkan fitnah, sikap Muallim yang tamak dalam mencipta empayar sendiri dan sikap yang sanggup berpura-pura untuk mengapai sesuatu kehendak sendiri adalah sangat tidak baik pada pandangan masyarakat yang sentiasa ingin nasib mereka dibela oleh pemimpin yang mampu membawa kesejahteraan hidup dari segi jasmani mahupun rohani dan seimbang. Moral pemimpin yang rendah sebegini tidak akan mampu menghadirkan sinar yang cerah demi Negara lantas menjadikan kehidupan tidak ceria, penuh dengan kecurigaan dan timbulnya perpecahan antara sesama masyarakat.

Di samping itu, Azizi Hj. Abdullah memaparkan imej pemimpin yang kekurangan ilmu agama serta ilmu-ilmu lain juga banyak diketengahkan oleh

beliau dalam novel ini. Seorang pemimpin seharusnya mempunyai ilmu yang banyak supaya dapat mentadbir dan mengurus sesebuah kerajaan dengan baik. Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya yang mana watak Malang itu sendiri kekurangan ilmu agama mahupun ilmu lain untuk menerajui sesebuah kerajaan. Akibat kekurangan ilmu yang mencukupi untuk panduan diri, Malang secara sendirinya menyebabkan dia menemui kegagalan dalam hidupnya. Kegagalan tersebut memakan diri sendiri di mana semau yang dihajati dan diingini oleh Malang tidak tercapai. Akibatnya membawa kepada pengakhiran yang menyebabkan dia menjadi gila terhadap kuasa dan menjadi rakyat biasa yang tidak mempunyai apa-apa. Oleh itu, untuk menjadi pemimpin yang berkaliber dan berwawasan, seseorang itu haruslah bijak dan cepat membuat keputusan dalam mengurus dan menghadapi sesuatu permasalahan.

Imej pemimpin positif pula digambarkan melalui watak Tuan Guru Lebai Yazan, pengarang menggunakan imej pemimpin lebai yang alim bagi mewujudkan kesesuaian pemimpin di daerah Siti Menurra. Tuan Guru Lebai Yazan sangat ringkas orangnya, kadang-kadang hanya selekeh sahaja dalam perihal berpakaian. Beliau tidak pernah memakai kot, apalagi tali leher seperti ahli politik yang sentiasa berpakaian ala formal. Budaya pakaian hariannya serban macam tidak cukup lain. Berkopiah putih menjadi satu lambang kemegahannya, janggut sejempit dan mata terkelip-kelip yang menampakkan wajah Tuan Guru Lebai Yazan nampak berseri-seri dengan senyuman dan macam tidak pernah mengenal erti kemarahan dalam hidup.

Perlambangan watak Tuan Guru Lebai Yazan dalam novel *Kawin-kawin* ini membawa kepada imej seorang pemimpin yang sangat berpengaruh dalam bidang agama serta dalam sistem pemerintahan di daerah Siti Menurra. Tokoh agama merupakan seorang yang dipandang tinggi dan sangat dihormati di daerah Siti Menurra, apa lagi sekiranya seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Tuan Guru Lebai Yazan sering memberi kuliah agamanya selepas solat subuh tentang bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh pemerintah yang gila terhadap kekuasaan. Kerakusan terhadap kuasa menyebabkan manusia sanggup melakukan apa sahaja dan perlakuan terhadap kuasa menyebabkan manusia sanggup melakukan apa sahaja dan perlakuan seperti ini sering menjadi bahan kuliah harian Tuan Guru Lebai Yazan di daerah Siti Menurra yang mewakili parti kerajaan PAS.

Selain daripada itu, Tuan Guru Lebai Yazan juga merupakan tokoh agama yang disegani dalam parti pemerintahan Siti Menurra. Namun begitu fahaman dan perjuangan parti mereka adalah berlainan dengan parti pimpinan Mas Umm iaitu parti UMNO. Tuan Guru Lebai Yazan dilihat berlaku tidak jujur apabila sering memperalatkan agama Islam dalam kuliah-kuliah subuhnya yang berkaitan dengan hal-hal politik. Apa yang lebih pentingnya ialah memperjuangkan agama Islam dalam perjuangan parti mereka supaya mendapat perhatian dari rakyat dan menentang segala kezaliman, kemungkaran dan hal-hal yang berkaitan dengan halal dan haram dalam kehidupan seharian.

Secara tersuratnya, Azizi Hj. Abdullah memperlihatkan kepada khalayak melalui perwatakan Tuan Guru Lebai Yazan yang merupakan seorang tokoh agama yang terkenal namun diadaptasikan oleh pengarang dengan sindiran terhadap golongan tokoh ulama yang sering mengeksploitasi agama untuk kepentingan politik dan peribadi mereka sendiri. Pengarang turut memperlihatkan tujuan sebenar Tuan Guru Lebai Yazan dalam menggunakan agama dalam mengapai kejayaan terhadap perjuangan parti di daerah Siti Menurra dengan tujuan untuk meraih simpati rakyat terhadapnya. Dasar perjuangan PAS ialah Islam. Ini bersesuaian dengan bentuk fahaman dan perjuangan parti PAS itu sendiri yang mana perjuangan parti mereka ialah menjadikan agama adalah dasar utama. Islam yang diperjuangkan oleh PAS ialah Islam yang lengkap merangkumi semua perkara sama ada yang berkaitan dengan ibadah, politik, ekonomi, pendidikan, sosial, akhlak dan sebagainya.

KESIMPULAN

Karya sastera merupakan media pengarang menyampaikan pandangan, kritikan, wawasan mereka terhadap isu-isu yang berlaku kepada masyarakat. Karya sastera tidak lahir dalam ruang yang kosong, apa yang dilukiskan oleh pengarang bertolak daripada realiti yang berlaku. Dalam konteks politik, segala peristiwa politik yang berlaku diolah kembali oleh pengarang dengan imaginasi, kreativiti, ideologi yang dipegang serta wawasan dalam bentuk karya kreatif. Sesungguhnya kelahiran sesebuah karya sastera adalah respons pengarang terhadap situasi politik yang berlaku.

Penulis sangat sensitif dengan keadaan sekeliling yang dilaluinya. Melalui pengalaman hidup dan corak kehidupan yang dilaluinya, beliau dapat menceritakan kembali sebagai santapan pembaca. Konflik dalaman pertubuhan politik Melayu banyak digambarkan di dalam novel *Kawin-kawin*. Analisis ini menunjukkan betapa buruknya sikap seseorang yang mengejar pangkat dan mengukuhkan kedudukan dalam kalangan masyarakat yang menginginkan dia sentiasa di atas. Keperibadian pemimpin itu sendiri jelas tidak kuat serta rendah moralnya menyebabkan kehidupan bermasyarakat menjadi tidak teratur. Keperibadian yang lemah juga turut menyebabkan kehidupan masyarakat majmuk menjadi tidak tenteram dan harmoni. Masyarakat hidup dalam suasana yang tidak ceria dan penuh dengan ketakutan serta kecurigaan akibat perbuatan pemimpin yang kejam terhadap rakyatnya. Begitu juga dengan perebutan kuasa, rasuah, kronisme, penyelewengan kuasa dan penyelewengan terhadap agama dalam pertubuhan parti politik menyebabkan Melayu itu ibarat saling bermusuhan sesama sendiri.

Sebagai ahli kepada parti PAS, Azizi Haji Abdullah cuba memperlihatkan kebenaran yang ada dalam parti PAS. Kemunculan watak Siti Munirah yang warak dan alim bertentangan dengan Mas Umm yang mewakili parti UMNO. Siti Manurra, gadis baik yang beriman dan patut kepada ajaran Islam yang sebenar manakala Mas Umm adalah gadis jelita yang kaya dan agak sekular.

Siti Manurra dikelilingi pula oleh tokoh yang baik dan beriman seperti Tuan Guru Lebai Yazan manakala Mas Umm di kelilingi oleh tokoh-tokoh yang sekular dan bersifat materialistik, gila akan kuasa, melakukan penyelewengan dan sebagainya. Sebagai individu yang ideologi politiknya adalah PAS, tidak menghairankan Azizi lebih berpihak kepada ideologi PAS dalam menggarapkan karya ini.

Sesungguhnya *Kawin-kawin* adalah respons Azizi Haji Abdullah terhadap situasi politik yang berlaku dalam negara untuk tatapan masyarakat. Sebagai sebuah karya kreatif, manuskrip ini banyak bermain dengan lambang dan simbol yang menuntut pemikiran dan penyelidikan daripada khalayak pembaca untuk mencari makna yang tersirat disebalik kehidupan dua gadis jelita Mas Umm dan Siti Manurra.

BIODATA PENULIS

Che Abdullah Che Ya adalah pensyarah Program Persuratan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau adalah novel dan kritikan sastera. Bidang penyelidikan utama ialah sastera dan politik.

RUJUKAN

- Abdullah Tahir. (1985). Sastera sebagai Saluran Pengucapan Politik : Tumpuan Kepada Novel. *Dewan Sastera*. Oktober : 25-31.
- Azizi Haji Abdullah. (2001). *Kawin-kawin*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azmah Ab. Wahab dan Shamsuddin A. Rahim. (2013). Kredibiliti Media dan Penyertaan Dalam Persekitaran Pengdemokrasian Maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 29 (1), 141 - 160
- Baha Zain. (1982). Perhubungan Pahit Manis Antara Politik dan Sastera. *Dewan Sastera*, Ogos: 3.
- Ball, A.R. (1993). *Politik dan Kerajaan Moden*. Terj. S.Ahmad Hussin, Loh Fong Fong dan Wong Seat Tho. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Che Ya. (2001). Sastera dan Politik: Satu Penelitian Hubungan Antara Disiplin. *Persuratan Melayu Dari Lontar ke Layar*. Bangi : Jabatan Persuratan Melayu : 102-116.
- Dahl, R.A. (1963). *Modern Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hill.
- Harmonis. (2013). Perbandingan Sistem Komunikasi Politik Presiden Soeharto dan Soesilo Bambang Yudoyono SBY). *Jurnal Komunikasi*. Jilid 28(2): 37-49.
- Lukes,S. (1985). *Kuasa Satu Pandangan Radikal*. Terj. Wan Azmi Ramli. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1995). Sastera Melayu Pasca-modenisme Dari Dunia Yang Terpendam ke Alam Pencerahannya. Himpunan Kertas Kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia. Jil.2. Kuala Lumpur, 21-25 Ogos: 16-39.
- Miriam Budiardjo. (1977). *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia.
- Mohd Daud Mohammad dan Muhamad Ikhran Fadly Hussin. (2004). *Pemikiran Sasterawan Negara S.Othman Kelantan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roni Tabroni. (2012). Etika Komunikasi Politik Dalam Ruang Media Massa. *Jurnal Ilmu Komunikasi*. Volume 10, Nombor 2.